

## SENAMAN SELEPAS AMPUTASI

Senaman adalah penting bagi memulihkan kekuatan otot dan bagi mengelakkan otot mengecil dan lemah

### STRAIGHT LEG RAISE

Letakkan kaki anda di hadapan anda. Angkat kaki amputatasi dari katil. Tahan 5 saat dan kembali ke posisi asal



### INNER RANGE QUADS

Duduk dengan kedua-dua kaki lurus di hadapan anda. Letakkan tuala, selimut atau bantal yang digulung di bawah lutut anda. Luruskan lutut anda.



### OUTER RANGE QUADRICES


Duduk di atas kerusi atau tepi katil. Letakkan tangan anda di atas riba anda. Luruskan sebelah lutut. Tahan selama lima saat.



## PERUBATAN REHABILITASI

salah satu bidang perubatan yang menyampaikan perawatan perubatan rehabilitasi menyeluruh kepada pesakit kurang upaya yang berpotensi mencapai tahap kefungsi maksima melalui program perubatan rehabilitasi. Program tersebut menggunakan pendekatan interdisiplinari dan ditawarkan mengikut keperluan individu.

Konsep Interdisiplinari Untuk Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi



KLINIK PAKAR REHABILITASI  
Jabatan Perubatan Rehabilitasi  
Hospital Tengku Ampuan Rahimah  
Klang.

Tel : 3375 7000 samb. 1540


# AMPUTASI BAWAH LUTUT (TRANSTIBIAL AMPUTATION)

## AMPUTASI

Definisi amputasi adalah pemotongan sebahagian daripada anggota badan dengan kaedah pembedahan akibat komplikasi penyakit seperti diabetes atau kemalangan.

Amputasi di bawah paras lutut bermaksud pemotongan kaki pada paras tulang tibia / fibula ke bawah ( transtibial atau below knee amputation )

### Paras Amputasi Anggota Kaki



Secara umumnya program ini dibahagikan kepada beberapa fasa

1. Pra amputasi
2. Fasa pembedahan (amputasi)
3. Fasa selepas pembedahan
4. Fasa latihan pra prostesis
5. Fasa preskripsi prostesis
6. Latihan penggunaan prostesis
7. Kembali ke komuniti
8. Kembali kerja
9. Rawatan susulan

## PENJAGAAN POSISI STUMP

-Kepentingan untuk memposisikan kaki dengan betul adalah bagi mengelakkan otot memendek serta sendi lutut menjadi kaku dan sukar untuk digerakkan



## PROSES PEMBEKALAN KAKI PALSU

**Preskripsi prosthesis** - doktor menyediakan preskripsi prosthesis mengikut spesifikasi komponen yang bersesuaian dengan pesakit dengan juruklinikal prostetik and ortotik

**Ukuran** -ukuran diambil oleh juruklinikal prostetik and ortotik

**Sesi Percubaan** -sesi percubaan di klinik atau syarikat juruklinikal prostetik and ortotik

**Pengubahsuaian** -pengubahsuaian dilakukan sehingga prosthesis bersesuaian dengan pesakit

**Pembekalan** -Prosthesis dibekalkan kepada pesakit

**Pengemaskinian** -Pilon ditutup dengan span bagi memberi bentuk seperti kaki

## KOMPONEN & BAHAGIAN PROSTETIK KAKI



Komponen Kaki Palsu "transtibial "

Penjagaan stump dan kulit  
Pembalutan stump adalah penting dalam membantu pesakit sebelum memakai anggota palsu kerana

- mengurangkan bengkak pada bahagian anggota amputasi
- untuk mendapat bentuk stump yang sesuai untuk penggunaan prosthesis (kaki palsu).



contoh bentuk stump yang telah sedia untuk protes



### Stump shinker

Adalah alternatif untuk teknik balutan (stump bandaging) Teknik ini adalah amat penting kerana anggota badan yang bengkak akan menyukarkan proses pemakaian prosthesis. Oleh itu, shrinker dapat mengurangkan pembengkakan pada stump dan mengekalkan size serta bentuk stump anda

READY MADE ELASTIC SHRINKER



TUBIGRIP



PRESSURE GARMENT



## KOMPLIKASI AWAL SELEPAS AMPUTASI "PHANTOM LIMB"

Sindrom phantom limb terbahagi kepada 2:

### 1. "PHANTOM LIMB SENSATION"

- Anggota badan yang telah diamputasi seakan masih wujud dan tiada kesakitan

### 2. "PHANTOM LIMB PAIN "

- Anggota badan yang telah diamputasi terasa sakit

Rawatan phantom limb seperti "mirror therapy", "sensor y des ensitization", dan "tapping "



### MIRROR THERAPY

- Cermin panjang diletakkan diantara kaki pesakit dan diatur menghadap anggota badan kuat

### SENSORY DESENSITIZATION

- Teknik rawatan yang digunakan membantu mengurangkan rasa hipersensitif



### TAPPING

- Ketuk seluruh bahagian stump menggunakan tangan